

NO. SOALAN : 337

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH
(LENGGONG)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah bentuk program CSR yang dijalankan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bagi anggota yang telah bersara mahupun bakal bersara dalam meningkatkan keupayaan atau skil bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi mereka.

JAWAPAN:

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) menjalankan pelbagai program latihan kemahiran teknikal dan bukan teknikal khusus untuk anggota-anggota ATM yang akan bersara dan veteran ATM. Sehingga kini, PERHEBAT telah melatih seramai 217,368 veteran ATM dalam pelbagai bidang kursus untuk pembangunan kerjaya kedua mereka setelah tamat perkhidmatan.

PERHEBAT turut melaksanakan Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV) iaitu program latihan khusus untuk veteran ATM tidak berpencen bagi menceburi bidang keusahawanan atau untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta. Program ini bertujuan untuk memperkasa sosio ekonomi veteran ATM di seluruh Malaysia.

LTAT menerusi Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) juga memainkan peranan dalam pembangunan usahawan dalam kalangan bakal pesara dan veteran ATM dengan penubuhan Akademi Peruncitan PERNAMA. Sehingga kini, PERNAMA telah berjaya melatih seramai 1,526 bakal pesara ATM dan daripada jumlah tersebut, seramai

515 orang telah berjaya menjadi usahawan dalam pelbagai bidang perniagaan pilihan mereka.

Seterusnya, melalui program kolaborasi perniagaan francais bersama 7-Eleven, TESCO Malaysia serta kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, PERNAMA juga telah menawarkan perniagaan peruncitan francais kepada 60 veteran ATM.

LTAT melalui Kumpulan Syarikat LTAT juga menawarkan peluang kepada veteran ATM untuk menjadi kontraktor dan vendor dengan Kumpulan Syarikat LTAT. LTAT berkerjasama dengan kumpulan anak syarikatnya untuk memberi peluang latihan dan pekerjaan kepada anggota-anggota ATM yang akan bersara dalam bidang-bidang seperti berikut:

- (i) PERNAMA (bidang peruncitan);
- (ii) Boustead Plantations Bhd. (bidang perladangan kelapa sawit);
- (ii) Royale Chulan, UiTM dan Yayasan LTAT (bidang hospitaliti);
dan
- (iv) Boustead Heavy Industries Corporation Bhd. / Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (pembinaan dan penyelenggaraan kapal).

Selain itu, LTAT melalui PERHEBAT berkerjasama dengan agensi awam dan swasta seperti Yayasan Peneraju, Sime Darby Plantation Bhd, Naza Kia Academy, Destini Bhd., Zetro Aerospace Sdn. Bhd., Pembangunan Sumber Manusia Bhd. dan Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) melalui *Memorandum of Understanding* (MoU) untuk menambah tempat latihan kemahiran bagi pelatih-pelatih dan *on the job training* di samping membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada veteran ATM.